

Pusat Khidmat PSM Sg Siput
2A Jln Sitiawan
Lim Gardens
30100 Ipoh

17hb Julai 2018

Kepada YAB Tuan Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu
Menteri Besar Perak

Per: Laporan terhadap Isu-Isu Rakyat Sungai Siput U

Tahniah atas kemenangan Pakatan Harapan di peringkat Negeri Perak dan perlantikan YAB sebagai Menteri Besar Perak. Ramai di kalangan rakyat Perak amat mengharapkan pentadbiran baru ini akan membawa perubahan yang positif kepada kehidupan mereka. Saya dan rakan-rakan saya di PSM sentiasa sedia untuk berkerjasama dengan Kerajaan Pakatan Harapan di Negeri Perak untuk melindungi kesejahteraan rakyat biasa.

Dalam 10 tahun yang lalu, saya sebagai Ahli Parlimen untuk kawasan Sg Siput, telah mencuba menangani beberapa masalah rakyat yang dibawa ke perhatian saya. Antara masalah-masalah yang dikendalikan adalah

1. Masalah banjir di beberapa kawasan
2. Ketiadaan perumahan kos rendah untuk keluarga berpendapatan rendah
3. Pencerobohan Tanah Adat Orang Asli oleh pembalakan.
4. Pengusiran petani dan penternak kecil daripada tanah kerajaan yang diusahakan oleh mereka selama 10 hingga 40 tahun.
5. Masalah ketiadaan peluang kerja untuk lapisan B40.
6. Kekurangan pasaran untuk buah-buahan tempatan.
7. Pendapatan rendah bagi pekebun kecil getah kerana harga rendah getah di pasaran antarabangsa.
8. Masalah perumahan bagi 9 buah kampung Peneroka Bandar (setinggalan).
9. Masalah Projek Perumahan Terbengkalai – Tmn Kenari
10. Permohonan rakyat Sg Siput untuk Perpustakaan Awam


Tiap isu ini adalah dihuraikan lebih lanjut dalam laporan ini dan surat, memorandum dan dokumen berkaitan adalah dilampirkan bersama laporan ini. Tujuan laporan ini adalah untuk update pihak YAB terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat Sg Siput supaya Pentadbiran baru dapat menggubal respons yang berpatutan untuk setiap masalah yang dikenapasti.

1. Masalah Banjir di Sg Siput U

Beberapa kawasan di Sg Siput ditimpa banjir berulang kali, antara mereka adalah

- Kampung-kampung yang berhampiran Sg Pelus iaitu Kampung Chior Lasah, Kg Tok Sirat, Bandar Lintang, Kg Makmur dan Kg Trosor. Antara mereka, Kg Tok Sirat yang ditimpa teruk sekali dan dibanjiri 5 hingga 10 kali setiap tahun.
- Taman-taman yang bersebelahan Sg Buloh di kawasan bandar Sg Siput termasuk, Tmn Shangrila, Jln Padang, Pasar Besar, Tmn Aman, Tmn Veerasamy, Kg Veerasamy, Pokarbi dan Kg Jln Lintang telah dibanjiri 3 kali dalam 8 bulan yang lalu.
- Taman Muhibbah Fasa 3 dan kawasan sekelilingnya dekat simpang antara Jln Dato See Khoon Lim dan Jln Kg Muhibbah Fasa 2B.
- Taman Kledang Phasa D.
- Rumah-rumah bersebelahan trak keretapi di kawasan Kg Baru Sg Buloh dan Kilang Tong Fook.

Pelan di bawah memberi lokasi kawasan-kawasan bandar Sg Siput yang mengalami masalah banjir.



1. Sebelah trak KTM
2. Tmn Shangrila
3. Jln Padang
4. Tmn Aman, Tmn Veerasamy, Kg Veerasamy
5. Kg Jln Lintang
6. Tmn Muhibbah Fasa 3
7. Tmn Kledang Fasa D

Hasil siasatan pihak PSM, kami telah mengenalpasti bahawa punca banjir di kawasan-kawasan ini adalah beberapa fakta utama iaitu -

- a/ Hakisan tanah di kawasan hulu sungai oleh pembalakan (Sg Pelus dan Sg Buloh) dan pembangunan lain (umpamanya ladang besar di hulu Sg Chior) yang menyebabkan pemendapan pasir di dalam sungai.
- b/ Penutupan kolam-kolam tadahan air di kawasan Sg Buloh
- c/ Peningkatan "surface run-off" (oleh kerana projek pembangunan) yang melebihi kapasiti longkang yang sedia ada di kes Tmn Muhibbah Fasa 3 dan K/B Sg Buloh bersebelahan trak KTM.

d/ Penempatan projek perumahan di kawasan yang tidak sesuai umpamanya, Kg Tok Sirat yang terletak di kawasan yang rendah bersebelahan dengan Sg Pelus, dan baris terdalam Tmn Kledang Fasa D yang terletaknya terlalu dekat dengan anak bukit di belakang taman itu.

Surat dan Memorandum yang disertakan sebagai Lampiran Satu memberikan syor-syor kami untuk mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan ini. Antara syor kami yang terpenting adalah

- i) Penubuhan satu Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh Pejabat Tanah, Jabatan Perairan dan Saliran, Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Jabatan Perhutanan dan wakil-wakil daripada kawasan-kawasan yang sering ditimpa banjir untuk mengkaji masalah dan gubal pelan tindak untuk menangani masalah ini.
- ii) Usaha memulihkan tebing-tebing sungai di kawasan yang telah dibalok supaya mengawal hakisan tebing sungai. Pokok harus ditanam di tebing anak-anak sungai Sg Buloh dan Sg Pelus.
- iii) Pembinaan kolam-kolam takungan air sungai di kawasan ulu Sg Chior, di anak-anak sungai dekat bandar Lintang dan di kawasan ulu Sg Buloh.
- iv) Pemindahan 10 buah rumah di Kg Tok Sirat dan 3 buah rumah di Kg Trosor (berdekatan simpang ke Kg Bekut) ke kawasan yang lebih tinggi.

2. Ketiadaan rumah kos rendah untuk keluarga berpendapatan rendah.

Adanya ramai keluarga berpendapatan di bawah RM 2500 sebulan di Sg Siput U. Pada anggaran saya lebih daripada 30% daripada keluarga di bandar Sg Siput berada dalam golongan ini. Ramai antara mereka belum memiliki rumah dengan geran tanah dan sedang duduk di rumah sewa, rumah-rumah papan tanpa geran tanah dan sebagainya. Bilangan mereka adalah lebih kurang 500 keluarga.

Kami telah melancarkan satu program untuk memohon kerajaan Negeri Perak untuk melancarkan projek rumah PPR di Sg Siput dengan memakai borang yang kami muat turun daripada website kerajaan negeri. Ikut borang ini, keluarga dengan pendapatan di bawah RM2500 adalah layak untuk memohon untuk rumah PPR. (Satu Salinan borang tersebut adalah disertakan dalam Lampiran 2). Lebih daripada 120 borang yang telah dilengkap dikemukakan kepada Bahagian Perumahan Awam, SUK Negeri Perak pada Oktober 2016, dan diakui diterima melalui surat Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak bertarikh 7/3/2018. (Disertakan dalam Lampiran 2)

Kami juga telah memperolehi satu jawapan di Dewan Undangan Negeri Perak kepada soalan yang dibangkit oleh YB Loh Tze Yee pada Ogos 2016. Jawapan itu menyatakan bahawa kerajaan Negeri Perak adalah dalam proses melaksanakan skim perumahan PPR sebanyak 200 unit di

kawasan Sg Siput untuk tahun 2017. (Satu Salinan jawapan itu adalah disertakan.) Bajet Persekutuan untuk 2018 juga telah memperuntukkan dana untuk membina 17,000 rumah PPR dalam tahun ini.

Adalah harapan kami dan juga keluarga-keluarga berpendapatan rendah di Sg Siput agar skim PPR akan diluluskan untuk Sg Siput. Senarai nama dan alamat keluarga yang telahpun memohon rumah PPR adalah disertakan di Lampiran 2 bersama senarai beberapa orang antara mereka yang bertugas sebagai jawatankuasa penyeleras. Jika pihak YAB memerlukan bantuan saya dalam memajukan usaha ini saya sedia membantu.

3. Pencerobohan Tanah Adat Orang Asli oleh syarikat pembalakan

Lima kampung Orang Asli di Pos Piah sedang menghadapi pencerobohan oleh satu syarikat pembalakan yang telah diberi lesen pembalakan oleh Kerajaan Negeri Perak. Kawasan ini telah dibalok separuh dalam tahun 1980an dan masyarakat Orang Asli telah mengalami kehilangan rezeki kerana pemusnahan hutan, pencemaran air sungai, pengurangan dalam hasil ikan sungai yang merupakan sumber makanan yang penting untuk mereka dan “mudslides” akibat pembalakan. Sekarang mereka menghadapi pembalakan fasa dua yang akan menghancurkan lagi hutan di sekeliling kampung-kampung mereka.

Penduduk kampung-kampung ini telah mencuba berjumpa dengan pentadbiran yang lama tetapi walaupun beberapa surat/memorandum dihantar, mereka tidak dapat berjumpa dengan Menteri Besar ataupun wakilnya. Pada Ogos tahun 2017, 11 orang daripada mereka ditangkap polis dan ditahan selama dua malam atas alasan palsu bahawa mereka mengugut pegawai perhutanan.

Tuntutan masyarakat Orang Asli di kawasan Pos Piah adalah pembalakan dihentikan sehingga permohonan mereka untuk tanah adat diproses dan diselesaikan. Beberapa surat kepada Jabatan Perhutanan, pihak Polis dan juga kepada Menteri Besar Perak berkaitan isu Tanah Komunal mereka adalah disertakan sebagai Lampiran 3.

Memorandum yang dihantar oleh masyarakat Orang Asli di Pos Pawong, Simpang Pulai juga disertakan. Begitu juga beberapa intervensi saya di Parlimen berkaitan isu-isu Orang Asli Sg Siput U

4. Pengusiran petani dan penternak kecil daripada tanah kerajaan yang diusahakan oleh mereka selama 10 hingga 40 tahun.

Beberapa komuniti petani dan penternak kecil telah diusir keluar daripada kawasan yang diusahakan oleh mereka untuk satu hingga lima dekad atas alasan “pembangunan” dalam

sepuluh tahun yang saya bertugas di Sg Siput sebagai Ahli Parlimen. Antara mereka adalah kelompok-kelompok petani di belakang K/B Rimba Panjang, di belakang Sg Buloh, di belakang Hypermart TF dan di Padang Tembak. Di kesemua kes ini, permohonan petani untuk tanah gantian untuk meneruskan dengan usaha pertanian tidak dilayani walaupun ramai antara mereka menghasilkan bahan makanan untuk masyarakat Perak. Sebahagian kelompok-kelompok ini dapat pampasan wang sebagai suguhati, tetapi ramai lagi diusir keluar tanpa sebarang pampasan.

Oleh kerana langsung tiada pelan terhadap golongan ini, pihak PSM telah melancarkan satu kempen untuk mengingatkan Kerajaan Negeri Perak betapa pentingnya usaha pertanian untuk jaminan makanan rakyat Malaysia. Kempen ini menuntut 4 perkara

- Kawasan-kawasan yang merupakan kawasan pertanian ataupun penternakan dikekalkan demi kepentingan jaminan makanan rakyat.
- Petani dan penternak diberikan lesen bertempoh 10 hingga 20 tahun supaya mereka dapat melaburkan lebih dalam usaha pertanian tanpa keraguan. Ini akan meningkatkan lagi pengeluaran makanan daripada kawasan mereka. Lesen ini harus mengandungi syarat bahawa ianyatanah yang diberi lesen adalah khas untuk pengeluaran bahan-bahan makanan. Tanah terlibat tidak boleh “dibangunakan” untuk perumahan, perindustrian ataupun padang golf.
- Jika tanah diperlukan untuk projek perumahan atau perindustrian, tanah syarikat perladangan harus diambil (dengan bayaran pampasan yang sewajarnya) kerana keluasan tanah perladangan adalah lebih daripada 20 kali lebih luas daripada tanah pekebun/penternak kecil yang mengusahakan tanah kerajaan.
- Jika tanah petani/penternak kecil harus diambil untuk tujuan membina infrastruktur yang amat penting, tanah gantian yang sesuai untuk pertanian harus disewa kepada mereka dengan lease 10 tahun atau lebih.

Memorandum berkaitan kempen ini adalah disertakan bersama surat ini sebagai Lampiran Empat. Surat-surat rayuan daripada petani Rimba Panjang dan Tanah Hitam (yang merupakan kelompok petani terbaharu yang meminta bantuan PSM Sg Siput untuk mengendalikan pengusiran) adalah disertakan juga di Lampiran 4.

5. Pendapatan rendah bagi pekebun kecil getah

Sebahagian besar daripada penduduk kampung di kawasan Sg Siput terlibat dalam industri getah. Ramai antara mereka menoreh kebun seluas 2 hingga 3 ekar selang hari dan mendapat hasil getah sebanyak 35 hingga 50 kg getah beku setiap kali mereka toreh. Malangnya hampir separuh daripada mereka yang menoreh kena bahagikan hasil harian dengan pemilik tanah kebun. Bila harga getah beku berada di paras RM 2.20 se kilo, pendapatan harian adalah RM110

jika penoreh merupakan pemilik kebun seluas 3 ekar. Ini bersamaan dengan pendapatan bulanan lebih kurang RM 1650 (jika menoreh selang sehari iaitu 15 hari) . Tetapi, jika kebun seluas 2 ekar sahaja dan penoreh ikut kaedah “bahagi dua”, pendapatan bulanan hanya RM553.

Antara syor yang saya telah membentangkan di Parlimen berkaitan masalah ini adalah

- Mencari ruang kerja lain (umpamanya di sektor perkilangan) untuk se bahagian daripada penoreh getah supaya yang tetap menoreh boleh mengusahakan bidang tanah yang lebih luas.
- Sebahagian pekebun getah harus memindahkan dari kebun getah kepada tanaman lain seperti buah-buahan ataupun kepada penternakan ikan, ayam ataupun kambing.
- Teruskan dengan Skim Insentif Pengeluaran Getah yang dilaksanakan oleh kerajaan BN di mana bayaran “top-up” dilakukan (terus ke akaun bank penoreh) setiap kali harga pasaran untuk getah beku kurang daripada RM2.20 se kg.

Sila rujuk pada kajian saya terhadap isu kemiskinan masyarakat desa dan syor-syor PSM untuk mengendalikan isu ini. Kajian ini adalah disertakan sebagai Lampiran 5.

6. Masalah ketiadaan peluang kerja untuk lapisan B40.

Pengangguran tersembunyi merupakan satu masalah besar di kalangan orang kampung di Sg Siput. Selain daripada penoreh getah yang hanya usahakan 2 ekar selang hari, golongan lelaki yang “kerja kampung” dan juga kaum wanita juga mahukan kerja. Tetapi walaupun wujudnya berpuluh-puluh kilang di kawasan perindustrian di Kanthan, Sg Siput dan di Kuala Kangsar, orang dari kampung hadapi banyak masalah mendapatkan kerja kilang. Kerana pihak mengurus kilang lebih suka mendapatkan pekerja asing yang sedia kerja untuk tempoh yang lebih panjang dan boleh dikontrol dengan senang.

Dan begitu juga untuk kerja-kerja kontrak di kawasan desa juga. Kontraktor yang diberi kontrak potong buah ataupun sembur racun ataupun membaja pokok lebih suka mengambil pekerja asing tanpa dokumen sebagai pekerja, kerana dapat elak daripada mematuhi undang-undang buruh seperti gaji minima dan kadar bayaran overtime bila menggaji pekerja asing tanpa dokumen.

7. Kekurangan pasaran untuk buah-buahan tempatan.

Sering berlakunya lambakan buah-buahan pada musim buah dan ada banyak kes di mana buah tidak dipotong kerana kos upah melebihi harga jualan. Banyak buah rambutan, duku, langsung dan lain dibazir tiap musim buah kerana tidak dapat dijual. Tiada program FAMA yang berkesan untuk menangani masalah ini. Sila rujuk Lampiran 5 untuk diskusi terhadap isu-isu ini.

8. Masalah perumahan bagi 9 buah kampung Peneroka Bandar.

Adanya lebih daripada 10 kampung peneroka yang telah wujud dari sebelum Merdeka. Mereka telah membina rumah-rumah papan di atas tanah kerajaan ataupun tanah swasta yang terbiar dan berada di situ selama beberapa dekad. Ada yang membayar sewa tanah kepada taukeh tanah. Sekarang, dengan pembangunan bandar Sg Siput mereka sedang diusir keluar secara beransuran. Saya dan pasukan saya telah mengumpulkan data terhadap penduduk kampung-kampung peneroka bandar di kawasan Sg Siput. Sampai sekarang statistic kami adalah seperti berikut

Kampung	Bilangan Keluarga	Status Tanah	Contact Person
Kg Bengali	62	Tanah Kerajaan	Chan Sin Keong 012 5582882 Maheswaran 017 5660590
Kg Sg Buloh	65	Tanah Kerajaan	Chan Chee Meng 016 5633917 Devi a/p Sangili 016 5417453
Kg Veerasamy	13 + 26	Tanah Kerajaan	Chin Thong Wah 016 5054431
Kg Jalan Lintang	25	Tanah Kerajaan	Chong Chee Seong 016 5156219
Kg Perak Hydro	48**	Tanah swasta	Geeva 016 5981715
Kg Gopal	15	Tanah Swasta	Sre Rengan 012 4145069 Mahendran
Kg Bahari	16	Tanah Swasta	Muniamah 016 5128594 Ganesan 016 5558443
Kg Belakang Shing Chung	I: 32 II: 98	Rujuk Nota 1 di bawah	Arumugam 016 5023156 Siti Fatimah 016 5114340
Kg Kapor, Karai	270	Rujuk Nota 2 di bawah	Ken 016 7953033 Muniandy

Nota 1: Lebih kurang 30 daripada penduduk di sini memegang geran pada lot perumahan. Tetapi rumah-rumah ramai antara mereka tidak terletak pada lot yang dinyatakan dalam geran yang dipegang. 70 orang lagi menduduki rumah yang tidak ada geran tanah. Ada juga 20 orang lagi yang memiliki geran terhadap lot perumahan di kampung ini tetapi duduk di luar.

Nota 2: Tanah swasta yang dimiliki oleh 5 keluarga di bawah 5 geran berasingan. Kg Kapur diwujudkan pada zaman darurat atas usaha penduduk kawasan Karai yang enggan berpindah ke K/B Sg Buloh. Mereka telah dapat izin pemilik tanah ini dan izin Pentadbir Kolonial untuk wujudkan kampung baru di tapak ini kerana lebih dekat dengan kebun yang diusahakan oleh mereka. (Sila rujuk kepada Memorandum mereka kepada Menteri Besar Perak yang disertakan di Lampiran 6)

Lokasi kampung-kampung ini adalah ditandakan dalam pelan bandar Sg Siput di bawah.



1. Kg Sg Buloh
2. Kg Bengali
3. Kg Veerasamy
4. Kg Belakang Shing Chung
5. Kg Gopal dan Kg Jln Lintang
6. Kg Bahari
7. Kg Perak Hydro

Senarai kampung-kampung peneroka di atas bukan komprehensif. Ada juga kampung peneroka seperti di Pokarbi yang tidak meminta bantuan saya kerana mereka masih belum terima tekanan untuk berpindah daripada rumah mereka.

Tuntutan penduduk kampung-kampung peneroka adalah

- Bagi kampung yang terletak di atas tanah kerajaan, tuntutan peneroka adalah untuk diberi geran mengikut tapak tanah di mana terletaknya rumah mereka. Kelebihan pendekatan ini adalah, keluarga miskin ini tidak perlu mencari dana untuk membina rumah baru di kawasan lain. Mereka hanya kena bayar premium tanah dan boleh memakai duit yang diijamatkan untuk membaiki rumah yang sedia ada. Kaedah ini telahpun dilaksanakan untuk 26 keluarga di Kg Veerasamy, dan adalah kaedah yang baik sekali bagi keluarga-keluarga ini yang merupakan antara keluarga termiskin di bandar Sg Siput.
- Bagi kampung-kampung yang terletak di tanah swasta (ground tenants) permohonan peneroka adalah untuk lot perumahan di Rancangan Perumahan Tersusun (RPT) ataupun tawaran rumah PPR di kawasan yang berkekatan dengan bandar Sg Siput. Jawapan Kerajaan Negeri bertarikh 9/8/2016 kepada soalan YB Loh Tze Yee yang menyatakan RPT sebesar 255 lot akan dilaksanakan di Sg Siput untuk menempatkan "setinggan". Jawapan ini adalah disertakan dalam Lampiran 6.

- Bagi Kg Kapor, permohonan mereka kepada MB Perak pada tahun 2013 adalah untuk kerajaan mengambil milik semua tanah kampung Kapur daripada 5 pemilik swasta dengan memakai Akta Pengambilan Tanah dan bayaran wang pampasan yang munasabah kepada 5 pemilik asal. Tanah yang diambil, dipohon dipecahkan mengikut keletakan rumah yang sedia ada dan geran tanah diberi kepada semua penduduk Kg Kapor dengan syarat membayar premium tanah.

Pihak kami telah melaksanakan kajian di semua kampung yang disenaraikan untuk kenalpasti penduduk di kampung-kampung ini. Senarai penduduk pada takat kajian kami pada 2008 hingga 2015 adalah disertakan sebagai Lampiran 6. Sebahagian daripada penduduk telah berpindah ke luar dalam 8 tahun yang lalu kerana masalah banjir, ular, keruntuhan rumah, kebakaran rumah dan sebagainya. Syor kami terhadap mereka yang telah pindah adalah – jika mereka masih belum memiliki rumah mereka sendiri tetapi menduduki rumah sewa, mereka harus ditawarkan lot ataupun rumah PPR sepertimana keluarga yang masih menduduki kampung peneroka bandar.

9. Taman Kenari

Ini adalah sebuah projek perumahan yang telah tergendala pada tahun 1980an. Pemajunya, Teng Kong telah jadi mufliis. Tetapi rumah-rumah hampir siap – hanya kena menyediakan infrastruktur sahja – air, elektrik, jalan dan sebagainya.

Malangnya seorang penipu telah campur tangan dan telah menjual lebih kurang 26 daripada rumah di Taman ini kepada pembeli kedua walaupun semua rumah telah dijual oleh Teng Kong. Penipu ini telah mengutip RM 350,000 daripada 26 orang pembeli baru. Pihak kami telah menyiasat perkara ini dan mengusir keluar penipu ini. Selepas itu kami telah berkerjasama dengan jawatankuasa pembeli kedua untuk memasukkan jalan dan air dengan bantuan kerajaan negeri. Taman ini sedang diduduki orang tetapi isu 2 pemilik serumah dan CF belum diselesaikan.

Pada tahun 2000an En Anandan telah membeli projek ini daripada CIMB dengan harga “redemption” lebih kurang RM 7000 sebuah rumah. Beliau telah menawarkan rumah-rumah ini kepada pembeli kedua dengan harga yang murah dengan syarat mereka mencari pemilik pertama dan dapat persetujuannya. Dua atau tiga pemilik kedua telah melakukan pembelian ini.

Beberapa dokumen yang berkaitan dengan Tmn Kenari adalah disertakan sebagai Lampiran 7. Antara mereka yang mengetahui isu projek ini adalah En Elango hp 01115439332 dan En Pannir hp .

10. Perpustakaan Awam

Penduduk Sg Siput telah meminta-minta suatu perpustakaan awam sejak tahun 2010. Kami telah menganjurkan satu kempen pada tahun 2014 dan telah mengutip 1350 tandatangan yang diserahkan kepada Menteri Pelancungan. Selepas itu pelan membina perpustakaan awam telapun diluluskan dan tapaknya telah diputuskan. Tetapi kerja pembinaan belum bermula sehingga sekarang. Surat-surat berkaitan adalah disertakan sebagai Lampiran 8.

Kata Penutup

Saya sedia berjumpa dengan YAB sekiranya YAB memerlukan penjelasan lanjutan terhadap perkara-perkara yang dikandung dalam laporan ini. Jika pihak Kerajaan Negeri memerlukan bantuan saya dalam melaksanakan mana-mana cadangan berkaitan masalah-masalah yang dihuraikan dalam laporan ini saya dan pasukan saya sentiasa sedia berkerjasama.

Terima kasih.

Yang benar,

Jeyakumar Devaraj

Bekas Ahli Parlimen Sg Siput